

Beri Muhyiddin masa selesai isu hilang kepercayaan

# Tunjuk bukti ada majoriti

Oleh **MOHD. HAFIZ**  
**ABD. MUTALIB DAN OMAR ZIN**  
utusannews@mediamulia.com.my

**ARAU:** Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin perlu diberi peluang menyelesaikan isu kepercayaan dalam kerajaan Perikatan Nasional (PN) selepas seorang ahli Parlimen UMNO menarik sokongan terhadap beliau sekali gus boleh menyebabkan kerajaan tidak lagi memiliki majoriti.

Pakar Perlembagaan, Datuk Dr. Wan Ahmad Fauzi Wan Husain berkata, isu Perdana Menteri hilang kepercayaan perlu diputuskan Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah dan jika itu berlaku, maka Muhyiddin perlu sama ada meminta perkenan membubar Parlimen atau meletak jawatan.

Katanya, Seri Paduka boleh mengambil masa dan menentukan tatacara untuk menimbang-



**DR. WAN AHMAD FAUZI WAN HUSAIN**

kan keputusan jika Muhyiddin benar-benar sudah tidak mendapat kepercayaan majoriti.

Namun, kata Wan Ahmad, sebaik-baiknya adalah menunggu keputusan Perhimpunan Agung UMNO hujung bulan ini yang akan menentukan sama ada parti tersebut menarik sokongan

terhadap kerajaan PN.

“Jika Muhyiddin merasakan sudah hilang sokongan dan kepercayaan, beliau sepatutnya mengadap Yang di-Pertuan Agong yang akan membuat keputusan,” katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Kelmarin, Ahli Parlimen Machang, Datuk Ahmad Jazlan Yaakub mengumumkan menarik sokongannya terhadap kerajaan PN yang dipimpin Muhyiddin.

Penarikan sokongan Ahmad Jazlan menyaksikan kerajaan PN kini mempunyai 110 sokongan ahli Parlimen, berbanding 108 diraih Pakatan Harapan (PH).

Sementara itu, Pensyarah Kanan Jabatan Pengajian Politik dan Pentadbiran Universiti Malaya, Dr. Tawfik Yaakub berkata, Muhyiddin tidak mempunyai pilihan lain selain daripada membuktikan sokongan majoritinya dalam kerajaan PN.

“Bilangan sokongan majoriti perlu dizahirkan dan dibukti-

kan secara rasmi, tidak cukup sekadar menyatakan pendirian, perlu menunjukkan bukti.

“Persoalan terhadap keabsahan sokongan majoriti dan kerajaan PN sudah sampai tahap kemuncak, Muhyiddin tidak boleh duduk menunggu dan berdiam diri lagi, jangan membiarkan rakyat tertanya-tanya,” katanya ketika dihubungi semalam.

Felo Kanan Majlis Profesor Negara, Dr. Jeniri Amir berkata, Muhyiddin masih mempunyai peluang mengekalkan kerajaan sedia ada memandangkan Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU-15) tidak boleh diadakan disebabkan peningkatan kes Covid-19.

“Muhyiddin boleh dapatkan budi bicara Yang di-Pertuan Agong bagi memastikan isu ekonomi dan kesihatan lebih penting daripada peralihan kuasa. Jadi tidak perlu untuk membuktikan sokongan majoriti, kerajaan sedia ada boleh terus memerintah,” katanya.